

<p>LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>Sila baca Lembaran Pendedahan Produk sebelum anda membuat keputusan untuk memiliki Kad Debit PB-ING MasterCard PayPass. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat amnya.</p>	<p>Public Bank Berhad</p> <p>Kad Debit PB-ING MasterCard Paypass</p> <p>Oktober 2011</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p>	
<p>Kad Debit Visa/MasterCard adalah sejenis alat pembayaran yang membolehkan anda membuat bayaran melalui pemotongan terus daripada akaun kad debit bagi kos barangan pembelian runcit dan perkhidmatan di rangkaian runcit dan perkhidmatan yang mengambil bahagian. Anda dikehendaki mengekalkan akaun kad debit dengan bank dan menyimpan wang yang mencukupi sebelum anda membuat pembayaran. Jika anda menutup akaun kad debit anda dengan bank, kad debit anda akan dibatalkan secara automatik.</p>	
<p>2. Apakah yang saya peroleh daripada kad ini?</p>	
<p>(i) <u>1% Rebat Pulangan Tunai</u> 1% rebat pulangan tunai bagi premium insurans ING yang dicaj ke kad.</p> <p>Mega Bonus Tunai yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad. Tiada apa-apa kriteria kelayakan minimum, tiada had maksimum dan tiada sekatan atas penggunaan Megabonus.</p> <p>(ii) <u>Rebat Pulangan Tunai Tanpa Had</u> Setiap ringgit yang dibelanjakan dengan kad untuk pembelian runcit akan memperoleh rebat pulangan tunai sebanyak 0.5%.</p> <p><i>Nota: Pembelian runcit tidak termasuk urus niaga di kasino dan stesen petrol, urus niaga ING, pengeluaran tunai, urus niaga di kampus UTAR dan TARC, pembayaran berkaitan kerajaan, pembayaran kepada badan kebajikan, pembayaran menerusi www.pbebank.com dan ATM.</i></p> <p>(iii) <u>Perolehan Faedah</u> Baki kredit akan memperoleh faedah yang dikreditkan setiap bulan, dikira berdasarkan baki harian dalam Akaun Kad Debit. Kadar faedah mungkin berubah dari semasa ke semasa. Sila hubungi Perkhidmatan Pelanggan kami melalui nombor telefon 03-2176 8000 atau e-mail ke custsvc@publicbank.com.my untuk kadar faedah terbaru yang terpakai.</p> <p>(iv) <u>Akses Tunai</u> Akses terus kepada tunai di Visa/PLUS atau MasterCard/Cirrus ATMs di seluruh dunia apabila diperlukan. Di dalam negara, bagi pengeluaran tunai melalui ATM Public Bank, fi perkhidmatan biasa sebanyak RM10 bagi setiap urus niaga dikecualikan! Pengeluaran juga boleh dibuat di kaunter di cawangan PBB bagi pengeluaran Cek Jurubank bagi Terbitan Saham Tawaran Awam permulaan (IPOS) atau pindahan kepada Akaun (Akaun-akaun) Deposit Ahli Kad yang lain.</p> <p>(v) <u>Pindahan Automatik</u> Untuk lebih fleksibiliti dan untuk mengelakkan kekurangan dana semasa menggunakan kad, Ahli Kad Utama yang memiliki Akaun Deposit Peribadi (Simpanan/Semasa) dengan Bank boleh mendaftar untuk Perkhidmatan Pindahan Dana Automatik. Ia memudahkan pindahan dana secara dalam talian daripada Akaun Deposit yang ditetapkan ke Akaun Kad, sehingga had harian yang ditetapkan terlebih dahulu oleh Bank. Baki kredit dalam kad juga akan ditambah kepada RM200 setiap hari pada penghujung hari.</p>	

(vi) Kawalan yang Kerap

Kekalkan baki dalam Akaun Kad Debit yang sesuai bagi memenuhi gaya hidup. Bagaimanapun, jumlah minimum sebanyak RM25 perlu dikekalkan dalam Akaun Kad Debit pada setiap masa. Contohnya bagi pembelian sesuatu barang yang berharga RM75, baki minimum dalam Akaun Kad Debit hendaklah tidak kurang daripada RM100. PBeBank.com memudahkan urusan perbankan di mana jua pun setiap hari. Perkhidmatan yang disediakan termasuk pertanyaan baki, pindahan dana, maklumat urus niaga yang dibuat sebelum ini, pembayaran bil GIRO dan lain-lain.

(vii) Jumlah Pralulus untuk Urus Niaga Petrol di Pam Luar

Jumlah Pralulus sebanyak RM200 adalah diperlukan untuk urus niaga petrol di pam luar di stesen minyak tetapi sesetengah pengendali stesen minyak membenarkan pemilihan jumlah semasa di pam. Jumlah Pralulus akan dicajkan kepada Akaun Kad Debit apabila mengisi minyak. Jumlah pralulus ini akan diterbalikkan dan hanya jumlah mengisi petrol yang sebenar akan dicaj ke akaun kad debit apabila Bank menerima jumlah penyelesaian yang sebenar daripada bank. Purata tahanan bagi pralulus adalah selama 10 hari.

(viii) Penyata Bulanan

Penyata bulanan dengan butir-butir mengenai semua urus niaga yang dibuat dalam bulan berkenaan akan diberi kepada Pemegang Kad.

3. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

(i) Fi Tahunan

Kad Utama : RM24 Kad Tambahan : RM12

Percuma Seumur Hidup (Kad Utama & Tambahan) - Pengecualian fi tahunan sepenuhnya untuk tahun pertama & pengecualian fi tahunan bagi tahun-tahun berikutnya adalah berdasarkan minimum 12 kali penggunaan sepanjang 12 bulan sebelumnya. Tertakluk kepada sekurang-kurangnya 1 urus niaga runcit setiap tahun.

(ii) Fi Pengeluaran

- ✓ Melalui ATM Public Bank / Kaunter di Cawangan PBB : Dikecualikan
- ✓ Melalui ATM bukan Public Bank (tempatan atau luar negeri) : RM10-00 untuk setiap urus niaga yang berjaya

(iii) Fi Pertukaran Urus niaga Luar Negeri

Urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia menggunakan Dolar AS sebagai mata wang asas pada tarikh butiran mengenainya diterima dan/atau diproses pada kadar pertukaran yang akan ditentukan oleh Visa International/MasterCard Worldwide atas budi bicara mutlakanya. Selain itu, anda juga akan dikenakan kos sebanyak 1.25% daripada jumlah Ringgit Malaysia yang ditukarkan itu bagi penukaran urus niaga yang dibuat dalam mata wang asing. Kadar pertukaran mungkin berbeza daripada kadar yang digunakan pada tarikh urus niaga disebabkan oleh turun naik pasaran. Kadar yang dikenakan sedemikian adalah terakhir dan muktamad dan Ahli kad hendaklah menanggung semua risiko pertukaran, kerugian, komisen dan caj bank yang lain yang mungkin perlu dibayar.

(iv) Fi Penggantian Kad

RM10-00

(v) Fi Pencarian Rekod Jualan

RM15-00 atas setiap permohonan

(vi) Fi Permintaan Penyata Tambahan

RM5-00 untuk setiap permohonan

(vii) Fi Pertanyaan Baki

- ✓ Melalui ATM Public Bank : Tidak dikenakan
- ✓ Melalui ATM bukan Public Bank : RM2-00 untuk setiap pertanyaan baki

4. Bagaimanakah sekiranya saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

Liabiliti Bagi Urus niaga Tanpa Kebenaran

Sekiranya kad hilang atau dicuri, liabiliti maksimum anda untuk urus niaga tanpa kebenaran terhadap kepada RM250, dengan syarat pemegang kad tidak terlibat dengan penipuan atau tidak gagal memaklumkan kepada kami mengenai kehilangan/kecurian kad debit anda dalam tempoh masa yang wajar. Sekiranya siasatan menunjukkan bahawa anda terlibat menyebabkan apa-apa tanpa kebenaran, anda akan dipertanggungjawabkan terhadap semua caj yang tidak dibenarkan itu, termasuk caj kewangan, sama ada sebelum atau selepas Bank menerima pengesahan tersebut. Adalah dipersetujui dengan nyata bahawa bukan menjadi tanggungjawab Bank untuk memastikan Baki Semasa tidak melebihi jumlah yang ditetapkan oleh Bank.

5. Apakah risiko utama?

Kad anda hilang/dicuri.

Anda hendaklah memaklumkan kepada Public Bank dengan serta-merta sebaik anda menyedari bahawa kad debit anda hilang atau dicuri. Untuk kehilangan dan kecurian kad sila hubungi 03-2176 8555. Anda mesti melaporkan kepada pihak Bank dengan serta-merta sekiranya timbul kecurigaan tentang kerahsiaan PIN anda.

6. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan maklumat peribadi saya?

Adalah penting bagi anda memaklumkan kepada Public Bank secara bertulis jika terdapat perubahan dalam butir-butir untuk menghubungi anda bagi memastikan semua surat-menyurat diterima oleh anda tepat pada masanya.

Anda boleh menghubungi Public Bank di :

Perkhidmatan Kad PB
Public Bank Berhad
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia.
Tel : 603-2176 8000
Faks : 603-2163 9400
E-mel : custsvc@publicbank.com.my

7. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda ada apa-apa pertanyaan, sila hubungi Public Bank di :

Perkhidmatan Kad PB
Public Bank Berhad
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Malaysia.
Tel : 603-2176 8000
Faks : 603-2163 9400
E-mel : custsvc@publicbank.com.my
Laman web : www.pbebank.com

8. Produk-produk kad debit Public Bank lain yang disediakan

- Kad Debit PB Visa Electron
- Kad Debit PB Day2Day Visa
- Kad Debit PB ING MasterCard Paypass
- Kad Debit PB UTAR MasterCard
- Kad Debit PB TARC MasterCard
- Kad Debit PB-Esso Mobil Visa
- Kad Debit Manchester United Visa

Maklumat yang disediakan dalam risalah ini adalah sah pada Oktober 2011.